

JIHAD DAN PERLAKSANAANNYA DALAM REALITI KONTEMPORARI

JIHAD AND ITS IMPLEMENTATION IN THE CONTEMPORARY REALITY

Mohd Yusri Bin Ibrahim

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kumanusiaan (UPSI), Malaysia.
(Email: mohyusri@yahoo.com.my)

Received date: 17-09-2019

Revised date: 23-09-2019

Accepted date: 06-10-2019

Published date: 05-12-2019

To cite this document: Ibrahim, M. Y. (2019). Jihad dan Perlaksanaannya dalam Realiti Kontemporari. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*. 2(8), 01-14.

DOI: 10.35631/ijhpl.28001

Abstrak: Penulisan ini akan menyentuh beberapa aspek berkaitan pengertian jihad, pembahagian jihad , ganjaran jihad berlandaskan al-Quran, perlaksanaan jihad dalam konteks zaman kini seterusnya perbincangan kertas ini yang menjurus kepada jihad dalam konteks kontemporari kerana terdapat banyak kekeliruan di kalangan orang Islam dan bukan Islam tentang pengertian jihad itu sendiri yang sering diertikan sebagai peperangan mengangkat senjata yang menyebabkan berlakunya pertumpahan darah dan pembunuhan . Malah kekeliruan ini juga melibatkan golongan sasaran atau golongan yang harus diperangi. Peperangan yang dikatakan perang jihad ini sebenarnya tidak menepati maksud jihad yang sebenarnya seperti yang dituntut oleh Islam sedangkan jika diteliti dengan lebih mendalam ternyata definisi yang telah dibuat tentang jihad merangkumi perkara-perkara yang lebih umum. Oleh kerana itu , penulisan ini menumpukan kajian berbentuk kualitatif dengan menekankan tumpuan kajian mengenai maksud jihad dan perlaksanaan yang telah diberikan oleh ulama muktabar silam dan kontemporari yang melihat kepada aspek sirah perjuangan Rasulullah S.A.W itu sendiri dengan tidak hanya menumpukan kepada aspek yang sempit terhadap pengertian jihad selaras dengan perseptif maqasid syariah.

Kata Kunci: Jihad, Kontemporari, Ulama, Sirah, Muktabar

Abstract : This article will touch on various aspects of jihad, the distribution of jihad, the reward of al-Quran based jihad, the implementation of jihad in contemporary contexts and the discussion of this paper which focuses on jihad in the contemporary context as there is a great deal of confusion among Muslims and non-Muslims about the meaning of jihad itself is often referred to as a war of arms that has led to bloodshed and murder. The confusion also involves the target groups to be fought. The so-called jihadist war does not quite meet the true meaning of jihad as Islam demands, but when it is studied deeper the definitions made about

jihad include more general matters. Therefore, this paper focuses on qualitative studies by emphasizing the study's focus on the purpose of jihad and its implementation which has been given by past and contemporary scholars who look to the aspect of the head of the Prophet S.A.W's struggle by not only focusing on the narrow aspects of the jihadist sense in line with the shariah maqasid's perspective.

Keywords: *Jihad, Contemporary, Ulama, Sirah, Muktabar*

Pengertian Jihad

Perkataan jihad mempunyai pelbagai definisi mengikut persepsi individu yang mentafsirkannya. Ia menjelaskan terdapatnya pelbagai pandangan berkaitan perkataan ini. Perkataan jihad dalam Bahasa Melayu berasal daripada perkataan yang sama dengan Bahasa Arab iaitu jihad. Dalam penggunaan biasa ia bererti melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh atau gigih dan dedikasi. Antara perkataan lain yang berdasarkan kepada kata dasar yang sama iaitu ‘jahada’ ialah ijihad dan mujahadah. Perkataan mujahadah biasanya digunakan dalam konteks melawan seperti melawan nafsu, melawan syaitan dan melawan orang kafir. Manakala perkataan ijihad pula digunakan dalam konteks akademik dan keilmuan iaitu melakukan penyelidikan ilmiah secara mendalam. Sementara jihad pula lebih biasa digunakan dalam konteks perjuangan. Perkataan jihad diambil daripada (*al-jahdu*) yang bermaksud penat jerih dan juga daripada (*al-juhud*) yang bermaksud usaha tenaga. Seorang mujahid atau orang yang berjihad itu adalah seseorang yang menghabiskan usaha tenaganya dengan merasai kepenatan.¹ Oleh yang demikian, jihad itu ialah menghabiskan usaha dan tenaga untuk mencapai apa yang dihasratkan atau menolak daripadanya sesuatu yang tidak diingini iaitu untuk mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan atau mendapat manfaat dan mencegah bencana menerusi apa-apa cara yang difikirkan wajar dalam apa bidang sama ada dalam masa aman atau perang yang tidak semestinya dengan berperang atau mengangkat senjata.

Para ulama dari Mazhab Syafi'i mentakrifkan jihad dengan erti memerangi orang kafir untuk kejayaan Islam. Ia juga digunakan untuk jihad menentang nafsu dan syaitan tetapi yang dimaksudkan dalam perbahasan dari sudut fiqh ialah pengertian yang pertama.² Para ulama dari Mazhab Hanafi dalam mentakrifkan jihad sebagai *jihad al-kuffar* iaitu menyeru orang kafir kepada agama yang benar dan memerangi mereka jika mereka tidak menerima. Dari segi bahasa ia bermaksud lebih umum iaitu mengumpul kekuatan ke jalan Allah S.W.T. dengan jiwa, harta, lisan dan sebagainya.

Al-Bajuri menyebutkan dalam kitabnya, *Hasyiah al-Bajuri Ali bin Al-Qasim* jilid 2, jihad ialah peperangan di jalan Allah berasal daripada perkataan mujahadah iaitu berperang untuk menegakkan agama yang merupakan jihad yang kecil. Jihad yang besar adalah jihad melawan hawa nafsu. Oleh kerana itulah Rasulullah s.a.w. ketika kembali dari salah satu peperangan baginda bersabda yang bermaksud kita kembali daripada jihad yang kecil untuk menghadapi jihad yang lebih besar.³ Dari konteks sirah pula wujud keperluan melihat jihad yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. disebabkan orang Islam telah dizalimi dan dimusuhi oleh orang kafir kerana mereka mengesakan Allah. Malahan mereka dizalimi dengan cara harta benda dan tanah air mereka dirampas. Ketika itu Rasulullah S.A.W diizinkan Allah S.W.T.

¹ Haron Din (2007), *Islam Jihad Sebagai Survival Insan* (Selangor:PTS), 20

² Rohimin (2006) *Jihad ,Makna & Hikmah* (Jakarta:Penerbit Erlangga), 34

³ Ibid, 45

untuk berjihad demi mempertahankan diri dan maruahnya dan para sahabat di samping menjaga keutuhan agama Islam itu sendiri.⁴

Pada hakikatnya, jihad merupakan penggembangan tenaga dengan menggunakan cara-cara yang aman. Jihad dalam konteks peperangan hanya dilakukan apabila wujud situasi yang mendesak seperti memelihara keselamatan para pendakwah di jalan Allah. Ia dilakukan untuk mendapat keredhaan Allah tanpa tujuan-tujuan lain seperti material atau kepentingan diri untuk menjajah dunia atau bangsa lain berlainan dengan pengertian perang konversional semasa kerana berlaku tanpa alasan tetapi hanya bermotifkan permusuhan semata-mata.⁵

Pembahagian Jihad

Jihad dipandang daripada sudut alat atau jalannya adalah melalui jihad hati. Jihad lisan atau perkataan, jihad ilmu dan fikiran, jihad harta , jihad dengan nyawa dan badan. Manakala dari segi matlamat ialah *jihad fi-sabilillah* iaitu jihad kerana Allah. Selain itu , jihad juga dimaksudkan sebagai *jihad fi sabil al-tagħħut* iaitu jihad menentang musuh Islam. Pembahagian jihad dari jenis lawan yang dihadapi iaitu:⁶

Jihadun Nafsi

Jihadun Nafsi ialah jihad dalam pembinaan atau tarbiyyah manusia terhadap dirinya untuk menta'ati Allah, menolak fitnah syahwat dan syubahat dalam melaksanakan ketaatan kepada Allah walaupun ia amat berat dan tidak disukai oleh hawa nafsu manusia. Ibnu Qayyim membahagi *Jihadun-Nafsi* kepada empat bahagian:

- 1) *Jihadun nafsi* (Jihad terhadap diri) untuk memahami petunjuk.
- 2) *Jihadun nafsi* (Jihad terhadap diri) untuk mengamalkan.
- 3) *Jihadun nafsi* (Jihad terhadap diri) untuk menyeru dakwah iaitu untuk berdakwah orang yang belum mengetahui.
- 4) *Jihadun nafsi* (Jihad terhadap diri) untuk bersabar menghadapi kesulitan dalam berdakwah kepada Allah dan bersabar menghadapi tentangan masyarakat kerana Allah.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَتَقْرَأُ اللَّهَ وَأَبْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجْهُدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٣٥

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan. (Surah Al-Maidah , 35)

Quraish Shihab dalam Tafsir Al-Misbah menafsirkan perintah jihad dalam ayat ini ialah dengan bersungguh-sunguhlah mencari jalan dan cara yang dibenarkan-Nya untuk mendekatkan diri pada redhaNya termasuk berjihad melawan hawa nafsu supaya mendapat keuntungan di dunia dan akhirat .⁷

Jihadus Syaitan

Jihad melawan syaitan ialah dengan menolak syahwat dan godaan syaitan kepada manusia. Jihad terhadap syaitan dengan menolak syahwat melalui ilmu yang berfaedah warisan daripada para nabi sehingga wujudnya keyakinan hati yang teguh dengan perasaan takut kepada Allah.

⁴ A.G Noraini (2006) , *Islam dan Jihad Prangsangka &Kenyataan* (KL:ITNM) , 25

⁵ Hilmy Bakar al Macaty (2001),*Panduan Jihad Untuk Aktivitis Gerakan Islam* (Jakarta :Gema Islam), 27

⁶ Yunan Nasuttion (t.t), *Pengertian Jihad* (Jakarta: Penerbit al-Tahiriyyah) , 50

⁷ Haron Din,*op.cit* ,hlm 19

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوْا فِي الْسَّلَمِ كَافَةً وَلَا تَشْبُعُوا حُطُوتُ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَذَّابٌ مُّبِينٌ ٢٠٨

Terjemahannya :Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan ugama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah Al Baqarah , 218)

Quraish Shihab dalam tafsirnya berdasarkan Surah Al-Baqarah ayat 218, jihad adalah berjuang tanpa henti dengan niat melakukannya di jalan Allah untuk mendapat keredhaanNya (Allah)⁸. Syahid Qutb Rahimullah dalam *Tafsir Fi Zilalil Quran* juga menyatakan jihad ialah untuk mendapat keredhaan Allah yang menjadi keutamaan kepada seseorang muslim dalam hidupnya.⁹

Jihadul Kuffar

Jihadul Kuffar ialah jihad menghadapi orang kafir dengan memerangi dan membunuh mereka dan mengerahkan segala yang diperlukan dalam perperangan seperti harta, jiwa sebagaimana sabda nabi Muhammad SAW.:

“Perangilah orang-orang musyrik itu dengan hartamu, diri dan lisanmu.” (HR Abu Daud, An Nasa'i, Ahmad, Ibnu Hibban, Hakim, Baihaqi, Baghawi dan Ibnu Asakir dari Anas r.a) Ia bertanya lagi : “Apakah jihad itu? Beliau menjawab: “Engkau perangi orang-orang kafir jika engkau menjumpai di medan perang.” Ia bertanya lagi : “Apa jihad yang paling utama?” Beliau menjawab : “Sesiapa yang dilukai anggota badannya dan dialirkan darahnya.” (HR Ahmad)

Abu Buraidah dari ayahnya, berkata, “ Rasulullah s.a.w menyuruh seorang panglima perang pergi perang, maka beliau telah berwasiat kepadanya agar bertakwa kepada Allah dan mewasiatkan kebaikan kepada orang-orang Muslim yang bersamanya kemudian beliau bersabda :

“Berperanglah kalian dengan nama Allah dan di jalan Allah. Perangilah orang-orang yang kufur kepada Allah. Berperanglah dan janganlah berlebih -lebihan, khianat dan berdendam. Janganlah membunuh anak kecil. Jika kamu menghadapi musuh dari kalangan orang-orang musyrik, maka serulah kepada mereka tiga perkara. Mana saja di antara tiga perkara itu yang mereka penuhi, maka terimalah dan tahanlah dirimu untuk tidak memerangi mereka. Kemudian serulah mereka kepada Islam. Jika mereka memenuhinya, maka terimalah dan tahanlah dirimu untuk tidak memerangi mereka. Kemudian serulah mereka agar berpindah dari daerah mereka ke daerah Muhibbin. Beritahukanlah mereka bahwa jika mereka muh melaksanakannya, maka mereka akan mendapatkan seperti orang-orang Muhibbin dan bertanggungjawab seperti tanggungjawab orang-orang Muhibbin. Jika mereka menolak untuk berpindah dari sana, maka beritahukanlah kepada mereka bahwa mereka seperti orang asing bagi orang-orang Muslim. Hukum Allah berlaku atas mereka seperti yang berlaku atas orang-orang Mukmin. Mereka tidak kan mendapatkan sedikit pun dari harta rampasan perang dan *fa'i*, kecuali jika mereka berperang bersama-sama orang Muslim. Jika mereka menolak hal itu , maka mintalah jizyah dari mereka. Jika mereka memenuhi seruanmu maka terimalah dan tahanlah dirimu untuk tidak memerangi mereka. Jika mereka tetap menolak, maka mintalah pertolongan kepada Allah dan perangilah mereka” (HR Muslim dan Ahmad).

⁸ Quraish Shihab(1996),*Wawasan al Quran* (Bandung: Al Miza), 76

⁹ Sayyid Qutb (2006),*Tafsir Fi Zilalil Quran*, J. 1 , As'ad Yassin , Abdul Aziz Salim Basyaraim & Muchtob Hamzah, Perterjemah , (Jakarta:Gema Insan), 89

**فَأَتَلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحِرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ
حَتَّىٰ يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدِهِمْ صَاغِرُونَ**

Terjemahannya : Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (pula) pada hari kemudian dan mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar (agama Allah), (iaitu orang-orang) yang diberikan al-Kitab kepada mereka, sampai mereka membayar jizyah dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk. (At-Taubah, 29)

Ibnu Katsir dalam tafsirnya menyatakan jihad dalam konteks ayat Surah al-Taubah ayat 29 ini adalah berperang melawan orang kafir seperti Abu Thalhah ketika berperang bersama Rasullah saw. dan para sahabat lainnya melawan orang kafir.¹⁰

Jihadul Bughat al-Kharijin

Firman Allah:

**وَإِنْ طَائِقَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَفْتَلُوا فَاصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْآخَرِ فَقُتْلُوا الَّذِي تَبَغِي حَتَّىٰ نَفِيَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ
فَاءَتْ فَاصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ۙ**

Terjemahannya: “Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin berperang maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aninya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aninya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah, jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil” (Al-Hujurat, 9).

Hamka dalam Tafsir Al-Azhar menyatakan bahawa pendamaian dianjurkan dalam Islam termasuk dalam kategori jihad dan umat Islam perlu saling bermaafan dan berdakwah secara berhikmah dalam menyampaikan dakwah kepada Islam.¹¹

Jihadul Muhabirin al-Mufsidin

Firman Allah :

أَنْفُرُوا خَفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahannya: Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagi tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui. (at -Taubah , 41)

Dalam Tafsir al-Misbah, Quraish Shihab mengatakan bahwa para ulama berbeza pendapat tentang berjihad melawan orang kafir dan munafik seperti yang diperintahkan dalam surah at-Taubah ayat 41. Ada yang memahami dalam makna berjihad ialah dengan senjata melawan

¹⁰ Abu Fida Ismail Ibnu Kathir (1994) ,*Tafsir al Quran al Azim* (Beirut :Dar al Salam), 45

¹¹ Hamka (1984),*Tafsir al Azhar.Surabaya* (Yayasan Latimojong), 65

orang kafir dan dengan lidah melawan orang munafik. Ada juga yang memahami perintah berjihad dengan orang munafik dengan tangan atau lidah .

Jihadul Munafiqin

Jihadul Munafiqin ialah jihad menghadapi orang-orang munafiq dengan lisan, menegakkan hujah ke atas mereka, mencegah mereka dari sikap kekafiran yang tersembunyi, menjauhkan segala propaganda mereka, dan menolak terhadap perbuatan mereka. Jihad terhadap mereka ini termasuk dalam kategori *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*.

فَلَا تُطِعُ الْكَافِرِينَ وَجَاهُهُمْ بِهِ جَهَادًا كَبِيرًا

Terjemahannya : Oleh itu, janganlah engkau (Wahai Muhammad) menurut kehendak orang-orang kafir, dan berjuanglah dengan hujah-hujah Al-Quran menghadapi mereka dengan perjuangan yang besar dan bersungguh-sungguh.(Al-Furqan , 52)

Ibnu Katsir menafsirkan surat al-Furqan ayat 52 dengan menyatakan bahawa Ibnu Abbas menyatakan bahawa jihad besar ialah dengan memerangi orang kafir dan munafik.¹²

Jihaduz Zalimin

Iaitu jihad terhadap orang-orang fasik, zalim, ahli bid'ah dan pelaku kemungkaran. Jihad terhadap mereka ini termasuk dalam kategori *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*. Jihad ini menyebabkan terpeliharanya jiwa dan dapat mewujudkannya kemanusiaan antara manusia.

Selain itu, jihad juga boleh dibahagikan kepada jihad melalui pengorbanan jiwa dan raga untuk agama Islam. Lazimnya, jihad sebegini adalah jihad di medan perang dan orang yang terkorban disifatkan sebagai mati syahid.

Jihad Mal

Selain itu, pengorbanan wang ringgit dan harta juga termasuk di dalam *jihad fi sabilillah* yang dapat dilakukan oleh semua orang. Bagi golongan kaya , mereka boleh menyumbang dalam bentuk kewangan bagi menyokong usaha jihad golongan di medan perang. Sebagai contohnya Saidina Abu Bakar menyerahkan hartanya .

أَنْفُرُوا خَفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهُوهُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahannya : Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagi tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui. (At- Taubah, 41)

Syihabuddin Sayyid Mahmud Alusi dalam Tafsir *Ruhul Maani fi Tafsir al Quran Al- Azzim Wasabu al-Masani* dalam membahaskan Surah al-Taubah ayat 41 menyatakan jihad ini dilakukan melalui berjihad dengan harta seperti menginfakkannya untuk pertahanan dan menambah perbekalan perang atau sebagainya.¹³

¹² Abu Fida Ismail Ibnu Kathir (1994), *Op.cit*, 59

¹³ Shihabuddin Sayyid al Alusi (1994), *Ruh al Amani fi Tafsir al Quran al Azim Wassaabahu al Masani*(Damsyik:Dar al Fikr) , 69.

Jihad Ilmi

Sumbangan buah fikiran dan idea juga tergolong dalam ciri-ciri berjihad di jalan Allah. Contohnya, Salman al-Farisi berjihad di medan perang dan juga menyumbangkan idea pembinaan parit di dalam peperangan Khandak. Selain itu menuntut ilmu adalah adalah jihad di dalam Islam. Begitu juga para mujtahid yang berijtihad mengenai sesuatu hukum juga tergolong sebagai jihad melalui akal fikiran.

فَلَا تُطِعُ الْكَافِرِينَ وَجَاهُهُمْ بِهِ جَهَادٌ كَبِيرٌ

Terjemahannya : Oleh itu, janganlah engkau (Wahai Muhammad) menurut kehendak orang-orang kafir, dan berjuanglah dengan hujah-hujah al-Quran menghadapi mereka dengan perjuangan yang besar dan bersungguh-sungguh. (al-Furqan , 52)

Quraish Shihab dalam tafsir Al-Misbah berdasarkan surah al-Furqan ayat 52 memberi penjelasan mengenai perkataan jihad dengan menafsirkannya ”Maka kerana itu tunaikanlah hasratmu dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu orang-orang kafir dan berjihad menghadapi mereka dengan al-Quran dengan jihad yang besar, iaitu dengan jalan menjelaskan hakikat ajaran al-Quran, menonjolkan keistimewaananya, dengan dalih-dalih yang kukuh serta menampilkkan keunggulan ajaran Islam.”¹⁴

Jihad Dari Perspektif Islam

Jihad adalah amal kebaikan yang Allah syari’atkan dan menjadi sebab kemuliaan umat Islam. Sebaliknya kehinaan bila mereka meninggalkan jihad di jalan Allah sebagaimana dijelaskan dalam hadits yang shahih:

عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّىْ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا تَبَيَّنَ لِكُمْ بِالْعِيْنِ أَذْنَابُ الْبَقَرِ وَرِضْيَيْنُ بِالْزَّرْعِ
وَتَرَكْتُمُ الْجِهَادَ سُلْطَانُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ذُلْلًا لَا يَنْزَعُهُ حَتَّىٰ تَرْجِعُوهُ إِلَيْنَا

Terjemahannya : ”Dari Ibnu Umar beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah bersabda, “Apabila kalian telah berjual beli ‘inah, mengambil ekor lembu dan redha dengan pertanian serta meninggalkan jihad maka Allah akan menimpakan kamu dengan kerendahan (kehinaan). Allah tidak mencabutnya dari kamu sampai sehingga kamu kembali kepada agama kamu” (HR Abu Daud).

Ibnu Taimiyah menyatakan ”Tidak diragukan lagi bahwa jihad dan melawan orang yang memerangi para rasul dan mengarahkan pedang syariat kepada mereka serta melaksanakan kewajipan disebabkan pernyataan mereka untuk menolong para nabi dan rasul dan untuk menjadi pelajaran berharga bagi yang mengambilnya sehingga dengan demikian orang-orang yang menyimpang termasuk amalan yang paling utama yang Allah perintahkan kepada kita untuk menjadikannya ibadah mendekatkan diri kepadaNya.”¹⁵Namun amal kebaikan ini perlu memenuhi syarat dilakukan dengan ikhlas dan sesuai dengan syariat Islam kerana keduanya adalah syarat diterima sesuatu amalan. Di samping itu, jihad bukanlah perkara mudah kerana ia berhubung dengan pertumpahan darah, jiwa dan harta yang menjadi perkara penting dalam Islam sebagaimana disampaikan Rasulullah dalam sabdanya:

¹⁴ Shihab Quraish (2006) , *Tafsir al Misbah* (Jakarta :Lentera Hati), 89

¹⁵ Azyumardi Azra (2005) ,*Jaringan Ulama Timur Tengah & Kepulauan Nusantara XVII & XIII* (Jakarta :Prenada Media), 77

فَإِنْ دَمَاءَكُمْ وَأَغْرَىضَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ عَلَيْكُمْ حَرَامٌ كَحْرَمَةٌ يَوْمَكُمْ هَذَا فِي شَهْرِكُمْ هَذَا إِلَى يَوْمِ تَلْقَوْنَ رَبَّكُمْ أَلَا هُنْ
بِلَّغُثُ قَالُوا نَعَمْ قَالَ اللَّهُمَّ اشْهِدْ فَلَيْلَةَ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ رَبُّ مُبْلَغٍ أَوْعَى مِنْ سَاعِمٍ فَلَا تُرْجِعُوا بَعْدِي كُفَّارًا يَضْرُبُ بَعْضُكُمْ
رِقَابَ بَعْضٍ

Terjemahannya : ”Sesungguhnya darah, kehormatan dan harta diharamkan atas kamu (saling menzaliminya) seperti kesucian hari ini, pada bulan ini dan di negeri kamu ini sampai menjumpai Rabb kamu, ketahuilah apakah aku telah menyampaikan? Mereka menjawab: Ya. Maka beliau pun berkata: Ya Allah persaksikanlah, maka hendaklah orang yang hadir menyampaikan kepada yang tidak hadir, kerana terkadang yang disampaikan lebih mengerti dari yang mendengar. Maka janganlah kamu kembali kufur sepeninggalanku dengan sebahagian kamu saling membunuh sebahagian lainnya” (Muttafaqun ‘Alaihi).

Konsep jihad menuntut setiap muslim melakukannya untuk demi untuk mendapat cinta dan keredhaan Allah. Hal ini menuntut seseorang untuk memberi komitmen terhadap ketentuan dan batasan syari’at, komitmen terhadap batasan dan hukum Al Qur’an dan Sunnah Rasulullah dalam merealisasikan “target” dan tujuan syari’at tanpa meninggalkan ketentuan dan batasannya agar selamat dari sikap melampau dan berlebihan sehingga menjadi jihad syar’i di atas jalan yang lurus dan mendapatkan pahala di akhirat berpandukan petunjuk dan ilmu dari al-Qur’an dan sunnah Nabi.¹⁶

Oleh sebab itu, menjadi kewajipan bagi setiap muslim untuk belajar mengenai konsep Islam mengenai konsep jihad yang sebenar dan bertanya kepada para ulama tentang hal-hal yang berkaitan kerana jihad boleh bertukar dari jihad syar’i kepada jihad bid’ah yang tersasar daripada kehendak jihad dalam Islam.

Menurut Abdul Hamid Siddiqqi, jihad ialah pengorbanan seluruh daya usaha pada jalan Allah merangkumi keseluruhan dimensi perjuangan untuk menegakkan kalimah Allah. Para ulama telah bersepakat bahawa jihad ialah segala pengorbanan daya usaha setiap muslim sehingga sanggup mengorbankan nyawa dan harta benda demi untuk menghapuskan kemungkar dan segala kebatilan yang bercanggah dengan syariat Allah secara “total”¹⁷

Imam Hassan Al Banna menyatakan:

Islam mewajibkan jihad ke atas penganut-penganutnya bukanlah bertujuan untuk mencari permusuhan di antara sesama manusia, bukan pula untuk membuka jalan tamak kepada harta benda dengan cara merampas secara kekerasan. Sebaliknya jihad itu diwajibkan bertujuan untuk menjamin keamanan sejahtera dan perdamaian dengan menunaikan perutusan agama yang diamanahkan Allah ke atas setiap orang Islam. Amanah menyampaikan risalah agama yang memberi petunjuk kepada manusia ke arah keadilan dan kebenaran .

Ganjaran Jihad Berdasarkan Al Quran

Firman Allah:

فُلْ هُنْ تُنْهِكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا (103) الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُنْ يَخْسِرُونَ أَنَّهُمْ يُخْسِرُونَ صُنْعًا

Terjemahannya : Katakanlah, apakah akan kami beritahukan kepadamu tentang orang-orang yang paling rugi perbuatannya. iaitu orang-orang yang telah sia-sia perbuatannya dalam

¹⁶ Engku Ahmad Engku Alwi (2008), *Apa itu Islam* (Batu Caves: PTS), , 57

¹⁷ Rohimin (2006), *op.cit*, 88

kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka berbuat sebaik-baiknya. (al-Kahfi: 103-104)

فَإِنْ أَعْزَلُوكُمْ فَلَمْ يَقْاتِلُوكُمْ وَالْقَوْا إِلَيْكُمُ السَّلَامُ فَمَا جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلًا

Terjemahannya : Tetapi jika mereka membiarkan kamu, dan tidak memerangi kamu serta mengemukakan perdamaian kepadamu maka Allah tidak memberi jalan bagimu (untuk melawan dan membunuh) mereka. (an-Nisaa` , 90)

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولَئِي الْضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فَضَلَّ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةٌ وَكُلُّاً وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَى وَفَضَلَّ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا

Terjemahannya : Tidaklah sama antara mukmin yang duduk (yang tidak turut berperang) yang tidak mempunyai uzur dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk, satu darjah. Kepada mereka Allah menjanjikan pahala yang baik (syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang yang duduk dengan pahala yang besar. (an-Nisaa` , 95)

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينُ الْحَقِّ لِيُظَهِّرَ عَلَى الْدِينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

Terjemahannya : Dialah yang mengutus Rasul-Nya (dengan membawa) petunjuk (al-Qur'an) dan agama yang benar untuk dimenangkan-Nya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya. (at-Taubah: 33)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا مَا لَكُمْ إِذَا قِيلَ لَكُمْ أَنْفِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَنَّا قَاتَلْنَا إِلَيْكُمْ أَرْضَيْنَا إِلَيْكُمْ بِالْخِيَانَةِ فَمَا مَنَّا بِالْخِيَانَةِ الْدُّنْيَا فِي الْآخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ (38) إِلَّا تَتَفَرَّوْا يُعَذِّبُكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبِدُّلُ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْئًا وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahannya : Hai orang-orang yang beriman, apakah sebabnya apabila dikatakan kepada kamu: "Berangkatlah (untuk berperang) pada jalan Allah" kamu merasa berat dan ingin tinggal di tempatmu. Apakah kamu puas dengan kehidupan di dunia sebagai ganti kehidupan di akhirat? Padahal kenikmatan hidup di dunia (dibandingkan dengan kehidupan) di akhirat hanyalah sedikit. Jika kamu tidak berangkat untuk berperang, nescaya Allah akan memberi seksaan dengan seksaan yang pedih dan digantinya (kamu) dengan kaum yang lain, dan kamu tidak akan dapat memberi kemudharatan kepada-Nya sedikitpun. Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (at-Taubah, 38-39)

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيُنَفِّرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَقَهَّقُوا فِي الدِّينِ وَلِيُذْرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Terjemahannya : Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang mukmin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya. (at-Taubah, 122)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا لَقِيْتُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا ارْجُوا رَحْمَةً مِنْهُمْ إِلَّا مُتَحَبِّرًا لِقَتَالٍ أَوْ مُتَحَبِّرًا إِلَى فَتَّاهٍ فَقَدْ بَاءَ بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ وَمَأْوَاهُ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

Terjemahannya : Hai orang-orang beriman, apabila kamu bertemu orang-orang yang kafir yang sedang menyerangmu, maka janganlah kamu membelakangi mereka. Barangsiapa yang membelakangi mereka di waktu itu kecuali untuk (menyiasat) perang atau hendak menggabungkan diri dengan pasukan lain, maka sesungguhnya orang itu kembali membawa kemurkaan dari Allah, dan tempatnya ialah meraka Jahanam. Dan amat buruklah tempat kembalinya. (al-Anfal, 15-16)

وَقَاتِلُهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةً وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Terjemahannya : Dan perangilah mereka, supaya jangan ada fitnah dan supaya agama itu semata-mata untuk Allah. Jika mereka berhenti (dari kekafiran), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang mereka kerjakan. (al-Anfal, 39)

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَغْضُهُمْ أُولَئِكَ بَعْضٌ إِلَّا تَفْعُلُوهُ تَكُنْ فِتْنَةً فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ

Terjemahannya : “ Adapun orang-orang yang kafir, sebahagian mereka pelindung bagi sebahagian yang lain. Jika kamu (wahai para muslimin) tidak melaksanakan apa yang telah diperintahkan Allah itu, nescaya akan terjadi kekacauan di muka bumi dan kerosakan yang besar.” (al Anfaal , 73)

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ
وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُؤْفَى إِلَيْكُمْ وَآتَنُّمْ لَا ظُلْمُونَ

Terjemahannya : Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka dengan kekuatan apa saja yang kamu sanggup dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggetarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya (dirugikan). (al-Anfal, 60)

إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ عِشْرُونَ صَابِرُونَ يَعْلَمُهُ مَا تَنْهَىٰ

Terjemahannya: Jika ada dua puluh orang yang sabar di antaramu, nescaya mereka akan dapat mengalahkan dua ratus orang musuh. (al-Anfal, 95)

Firman Allah:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْدُوا

Terjemahannya : Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas. (al-Baqarah, 190)

وَقَاتِلُهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةً وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ

Terjemahannya : Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) agama itu hanya untuk Allah belaka. (al-Baqarah, 193)

Firman Allah :

وَلُوْ شِئْنَا لَبَعْثَنَا فِي كُلِّ قَرْيَةٍ نَذِيرًا (51) فَلَا تُطِعُ الْكَافِرِينَ وَجَاهِدُهُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا

Terjemahannya : Dan andaikata Kami menghendaki, benar-benarlah Kami utuskan pada tiap-tiap negeri seorang yang memberi peringatan (rasul). Maka janganlah kamu mengikuti orang-orang kafir, dan berjihadlah terhadap mereka dengan al-Qur'an dengan jihad yang besar. (al-Furqan, 51-52)

Perlaksanaan Jihad

Hakikatnya melihat kepada keadaan yang berlaku kini maka sewajarnya setiap individu Islam berfikir dan mencari jalan untuk permurniaan pengertian jihad serta memberikan gambaran yang jelas tentang Islam. Ia perlu dilakukan melalui tindakan dan amalan yang difikirkan sesuai dengan kehendak Islam. Hal ini kerana perlunya membuktikan kebaikan Islam dalam amalan yang juga dinamakan sebagai jihad tetapi jihad dalam konteks yang lebih meluas.¹⁸

Dalam Islam jika sesuatu yang dibuat menyumbang kepada amalan yang diwajibkan maka sumbangan itu juga menjadi wajib. Orang Islam bukan sahaja disuruh berperang tetapi juga menyediakan peralatan perang yang moden yang boleh menakutkan musuh kerana kesediaan dan kemampuan berperang menjadi kewajipan yang sama penting dengan berperang tanpa menunaikan kewajipan ini, peperangan di jalan Allah ,tidak mungkin dapat dilakukan dan tidak mungkin dapat dijayakan. Persediaan ini menjadi sebahagian daripada perjuangan di jalan Allah dan ia juga merupakan jihad. Mengenai persediaan ini Allah S.W.T. berfirman:

وَأَعْدُوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْنَ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رَبَاطِ الْحَيْلٍ ثُرُّهُنَّ يَهُ عَذُوَ اللَّهِ وَعَذُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمْ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ
وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُؤْفَقُ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ٦٠

Terjemahannya: Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya. (al-Anfal, 60)

Negara-negara Islam dan umatnya kini secara khususnya tidak bersatu padu. Kebanyakan perpecahan umat Islam disebabkan oleh pemikiran mereka yang jumud dan ta'asub yang tidak berasaskan kepada kehendak ajaran Islam. Mereka membenarkan perpecahan berlaku atas alasan perbezaan mazhab, perbezaan ideologi politik dan disebabkan juga untuk menjaga kepentingan peribadi atau kumpulan tertentu dengan mengenepikan kepentingan umat Islam.¹⁹ Ekoran daripada itu, musuh-musuh Islam dengan sewenang-wenangnya menakluki negara-negara Islam kerana mereka sedar umat Islam hilang kekuatan kerana perpecahan yang berlaku di kalangan mereka. Oleh yang demikian, wujudnya keperluan berjihad untuk menyatukan umat.²⁰ Kefahaman bahawa setiap negara Islam dan umat Islam bersaudara dan bersatu sewajarnya diterapkan dalam minda supaya ia dapat memberi kesan psikologi terhadap musuh-musuh Islam. Allah S.W.T. berfirman;

¹⁸ A.G Noraini (2006), *op.cit*, 65

¹⁹ Zulkifly Muda (2009) ,*Apa Kata Islam Mengenai Hubungan Sosial* (Batu Caves:PTS), 54

²⁰ Ismail Ibrahim(2004) *Isu Islam Semasa* (KL :Utusan Publication &Distributions Sdn Bhd), 25

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزِعُوا فَقْشُلُوا وَتَذَهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصِيرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ٤

Terjemahannya: Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, jika tidak (sekiranya kamu berbantah) nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang yang sabar. (al-Anfaal, 46)

Kemajuan dalam bidang ekonomi dan kewangan amat penting dalam menentukan kekuatan sesuatu negara. Negara yang maju dalam bidang ini akan menjadi bebas daripada tekanan kuasa asing dalam menguruskan hubungan dan dasar luar negara. Sebab itulah negara-negara Islam perlu berusaha membangunkan ekonominya dan menguruskan kewangannya dengan bijak dan cekap. Kedua-dua bidang ini akan menyumbang kepada perjuangan di jalan Allah dari sudut kemampuan mempertahankan dan menyelamatkan rakyatnya yang beragama Islam dan umat Islam di negara lain yang tertindas. Tindakan memajukan ekonomi dengan tujuan memelihara keamanan, kemajuan dan kesejateraan negara Islam adalah tergolong dalam erti jihad yang dikehendaki oleh Islam. Firman Allah S.W.T.;

وَآتَيْتُهُ فِيمَا آتَيْتُكُمْ أَلَدَّارَ الْآخِرَةِ وَلَا تَنْسَ نَصِيبِكُمْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ وَلَا تَنْبَغِي لِفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ٧٧

Terjemahannya :Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.(al-Qasas , 77)

Keperluan untuk berjihad akan menjadikan semua umat Islam berilmu pengetahuan. Ini kerana negara Islam yang stabil dan kuat perlu menguasai segala ilmu yang dimiliki oleh bangsa yang maju di dunia ini.²¹ Ilmu-ilmu seperti ilmu berkaitan perindustrian, perhubungan dan perdagangan dapat diadakan oleh negara Islam. Ciptaan barang yang lebih baik daripada apa yang dimiliki oleh negara asing akan menjadikan negara Islam lebih kuat dan berupaya mempertahankan negara dan umat Islam. Tidak ada sebab kenapa umat Islam pada zaman ini tidak berupaya menguasai ilmu yang penting untuk pembangunan dan pertahanan sepertimana yang pernah dimiliki oleh umat Islam sebelum mereka khasnya seperti zaman khulafa al-Rasyidin, Bani Umaiyyah, Abbasiyyah dan Uthmaniyyah. Justeru itu, segala usaha ke arah mewujudkan umat Islam yang berilmu adalah suatu jihad kerana ia akan menghasilkan negara Islam yang setanding dengan negara bukan Islam dalam semua bidang. Ini juga bermakna maruah negara dan umat Islam akan dapat dipulihkan semula. Firman Allah S.W.T.;

فُلْ هُلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَكَبَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Terjemahannya: Katakanlah lagi (kepadanya); adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal. (al-Zumar , 9)

²¹ Ibid, 57

Hakikatnya melihat kepada pengertian dan semangat jihad di atas maka dalam realiti kontemporari sekarang, jihad dalam konsep inilah yang sepatutnya dilaksanakan pada hari ini. Ini kerana salah faham dalam konsep jihad sering membawa kepada persepsi bahawa jihad adalah usaha mengangkat senjata dan berperang semata-mata. Umat Islam perlu memahami konsep jihad, dan mengkaji sejarahnya ketika Rasulullah s.a.w. berjihad dan juga mengkaji dari al-Quran dan sunnah, kenapakah perang diharuskan kepada orang Islam dan baginda sendiri.²² Oleh itu, konsep berjihad tidak boleh digunakan secara sewenang-wenangnya, dan tidak boleh membenarkan ia berlaku seperti dakwaan sesetengah golongan yang berperang sesama Islam kyonnya mereka berjihad. Apa yang dikhuatiri kedua-dua puak orang Islam itu akan mendakwa masing-masing berjihad untuk menyerang dan mengalahkan rakan seagama sehingga berlaku pertumpahan darah, tanpa sebarang kebenaran daripada ajaran agama.

Bagi negara-negara yang cintakan perdamaian, jihad dalam hubungan antarabangsa adalah melalui forum antarabangsa, tekanan dan desakan diplomatik dan sebagainya adalah lebih berhemah, bijaksana serta memahami di manakah kekuatan dan aruh tuju perjuangan kita. Dalam hal ini, Syeikh Ahmad Fatani seorang ulama dunia Melayu menggesa umat Melayu supaya menjadikan dunia Melayu ini sebagai pusat ilmu supaya umat Islam mampu menjaga maruah dan agama mereka.²³ Saranan ulama tersohor dunia Melayu ini terhadap perlunya bangsa Melayu yang mendiami sebahagian bumi Asia Tenggara ini untuk memajukan bangsa dan agama. Inilah juga jihad yang disarankan oleh beliau dalam memahami jihad termasuk juga dalam pengertian membela nama agama daripada kaca mata bangsa dan agama asing.²⁴

Kesimpulan

Pengertian dan konsep jihad dengan makna perang adalah tidak tepat kerana jihad berasaskan ayat al-Quran mempunyai makna yang sangat luas dalam aspek kehidupan yang merentas ruang dan waktu berasaskan nilai-nilai kemanusiaan. Sebahagian para ulama mengambil jalan tengah dalam hal ini seperti Imam Ibnu Qayyim. Beliau mengatakan bahwa keutamaan ibadah adalah yang jihad paling mendesak dan sesuai untuk dilaksanakan saat itu. Jika dalam keadaan perang, maka jihad paling utama adalah berperang melawan musuh. Jika dalam keadaan miskin maka jihad paling utama adalah memerangi kemiskinan dan jika sedang mengalami kebodohan maka jihad paling utama adalah menuntut ilmu.²⁵ Jelas di sini, Islam mementingkan kesepaduan antara akhlak dan maqasid syariah sesuatu jihad itu dilaksanakan supaya tercapai objektif menegakkan agama Allah dan mencapai redha Allah dalam setiap tindakan yang dilakukan.

Rujukan

- A.G Noraini (2006). *Islam dan Jihad Prasangka atau Kenyataan*. KL:ITNM
Abu Fida Ismail Ibnu Kathir(1994) *Tafsir Al Quran Al Azim*. Beirut: Dar al Salam
Azyumardi Azra (2005) . *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara XVII & XIII* Indonesia:Prenada Media
Dr Hilmy Bakar Al Macaty (2001). *Panduan Jihad untuk Aktivis Gerakan Islam*. Jakarta:Gema Insan.Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008). *Apa Itu Islam*. Batu Caves:PTS
Hamka (1984). *Tafsir Al Azhar*. Surabaya:Yayasan Latimojong
Haron Din (2007). *Islam Jihad sebagai Survival Insan*. Selangor: PTS
Ismail Ibrahim (2004). *Isu Islam Semasa*. KL:Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd

²²Rohimin (2006) , *op.cit*, 73

²³ Haron Din (2007), *op.cit*, 55

²⁴ Hilmy Bakar al-Macaty (2001), *op.cit*, 49

²⁵ Hilmy Bakar al- Macaty (2006), *op.cit*, 90

M.Quraish Shihab (1996). *Wawasan Al Quran*. Bandung:Mizan
Rohimin (2006) . *Jihad Makna &Hikmah* . Jakarta:Penerbit Erlangga
Sayyid Qutb(2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran* J. 1. (As'ad Yasin,Abdul Aziz, Salim Basyrawi,
Muchtob Hamzah, Perterjemah). Jakarta:Gema Insani
Shihab, M. Ouraish.(2006). *Tafsir Al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati .
Shihabuddin Sayyid Mahmud Al Alusi(1994) *Ruh Al-Amani Fi Tafsir Al- Quran Al-Azim*
Wassabahu Al-Masani. Damsyik:Dar Fikr
Yunan Nasution(tt). *Pengertian Jihad* .Jakarta :Penerbitan Al Tahiriyyah.Cetakan 12
Zulkifly Muda(2009). *Apa Kata Islam Mengenai Hubungan Sosial* .Batu Caves:PTS